

10/01/2003

Persepsi Barat belunggu dunia

Mohd Azlan Jaafar

PUTRAJAYA: Dunia masih tidak belajar daripada pengalaman krisis ekonomi 1997 dan terus berpegang kepada cara yang dirasakan hanya betul berdasarkan persepsi Barat, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, sebenarnya banyak perkara dilakukan bagi memulihkan ekonomi Malaysia dan tidak terhad kepada kawalan modal serta penetapan nilai ringgit kepada dolar Amerika.

Katanya, Argentina juga menetapkan kadar tukaran mata wangnya, Peso kepada Dolar Amerika, tetapi tidak berjaya manakala China yang membuat penetapan sama, mampu meningkatkan ekonominya.

"Bagaimanapun ia bukan hanya mengenai penetapan kadar tukaran wang asing dan pengawalan aliran dana. Banyak lagi yang dilakukan Malaysia, terutama dalam pentadbiran ekonomi makro.

"Malaysia sudah belajar daripada pengalaman lalu, tetapi saya rasa dunia belum. Mereka (dunia) tidak dapat belajar perkara yang mereka tak tahu," katanya pada sesi dialog Global Forum 2003 di sini, semalam.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan ditanya oleh salah seorang peserta forum sama ada dunia sudah belajar daripada kegawatan ekonomi yang melanda sebahagian besar negara Asia pada 1997.

Dr Mahathir juga berkata, agenda pihak tertentu untuk meraih keuntungan menerusi jualan singkat, selain analisis serta laporan tidak benar, menjadi punca penurunan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dan pengurangan pelaburan langsung asing (FDI) ke Malaysia.

"Pencapaian syarikat BSKL adalah lebih baik daripada persepsi luar. Kebanyakan laporan ditulis oleh pakar dengan agenda tertentu.

"Mereka hanya berminat dengan jualan singkat yang boleh membawa keuntungan. Jadi mereka menekan harga turun dan menjual apabila naik. Spekulator mahu melihat ia naik turun kerana itu cara mereka membuat wang," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, walaupun banyak laporan negatif mengenai Malaysia termasuk menjadi sasaran serangan penganas selepas kejadian di Bali, negara terus mencatat pertumbuhan ekonomi yang baik.

"Malah tahun lalu, kita mencatat kemasukan pelancong teramai dalam sejarah iaitu lebih 13 juta orang," katanya.

Pada forum anjuran London Business School itu juga, Dr Mahathir sekali lagi menyelar apa yang dianggap ketidakadilan dalam memaksa perdagangan berdasarkan peraturan oleh Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Katanya, negara membangun memaksa semua orang mematuhi peraturan itu, tetapi ia hanya memanfaatkan syarikat besar yang kaya dan bertindak tidak adil terhadap perniagaan kecil dan miskin di negara membangun.

Dr Mahathir berkata, persaingan bukan berdasarkan kelas atau kategori keupayaan, tetapi antara yang kaya dan kuat dengan yang miskin dan lemah.